

# 'PM tidak sempat umum tarikh sebenar persaraan'

29 JUN 2009

SUBANG JAYA, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memang berhasrat mengumumkan tarikh sebenar persaraannya pada Perhimpunan Agung Umno pada Sabtu lalu, tetapi tidak sempat berbuat demikian akibat diserbu ahli Majlis Tertinggi (MT).

Ahli MT, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata sebelum Perdana Menteri sempat menghabiskan pengumuman itu, beliau diserbu sehingga wujud suasana emosi dan ramai perwakilan terkejut serta menangis.

"Masalahnya, belum sempat dia buat kenyataan orang dah tutup, dah bangun, semua serbu.

"Memang (dia) ada buat keputusan, cuma kita tak tahu bila. Kita tidak benar-benar kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyempaihan sijil dan diploma Kolej Kejururawatan Pusat Perubatan Subang Jaya, di sini hari ini.

Sebelum ini, sebuah akhbar harian berbahasa Melayu (bukan *Berita Harian*) melaporkan Dr Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno hasil formula 'tolak

ansur' yang dipersetujui di Seri Perdana antara beliau dengan Jawatankuasa Pengurusan Umno.

Laporan itu menyebutkan persetujuan Dr Mahathir itu hanya untuk satu jangka masa tertentu yang dianggap sebagai tempoh peralihan.

Dalam pertemuan itu, jawatankuasa berkenaan diketuai oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tiga Naib Presiden Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib; Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob; Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein.

Abdul Aziz berkata, Dr Mahathir sendiri yang menetapkan keputusan melepaskan jawatan Perdana Menteri 'selepas Oktober 2003 dan bukan hasil kompromi atau tolak ansur beliau dengan Jawatankuasa Pengurusan parti.

"Memang Perdana Menteri yang tentukan (tarikh itu) Dia nak lihat supaya Persidangan Negara Berkecuali (NAM) dan Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) di Kuala Lumpur tahun depan berjalan lancar kerana keduanya penting. Dia nak lihat pelaksanaan dinar serta mengajak orang Islam jadi Islam sebenar, bukan penjenayah. "Tidak timbul soal kompromi kerana Dr Mahathir yakin timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi boleh memimpin ne-

gara dengan baik selepas menyerahkan jawatan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, Dr Mahathir terpaksa menarik balik pengumumannya pada perhimpunan itu kerana bimbang perwakilan dan orang ramai enggan bersurai dari Pusat Dagangan Dunia Purta (PWTC).

"Dia tahu kalau dia tak umumkan (tarik balik), orang takkan balik dari PWTC.. Mungkin risikonya wujud huru-hara, menjerit dan menyebabkan kucar-kacir. Ini boleh menyebabkan kerosakan pada kenderaan di jalan. Kalau kena kenderaan Umno tak apa juga, tapi kalau kenderaan lain, orang akan ingat Umno sudah 'gila'.

"Dia fikir itu semua. Lagi-pun semua (perwakilan) minta jangan (letak jawatan). dia sebenarnya manusia lembut (hati). Mahathir sebenarnya manusia pemalu. Saya (tahu kerana) bekerja untuk 27 tahun," katanya.

Abdul Aziz juga berkata, beliau tahu Dr Mahathir memang berasa 'letih' selepas 21 tahun berkhidmat untuk negara, apatah lagi selepas merasakan ramai tidak berterima kasih dan tidak mepedulikan pandangan jauh dan pengorbanannya.

Bagaimanapun, ia tidak bermakna Perdana Menteri kecewa dan ia bukan faktor menyebabkan Dr Mahathir mahu meletakkan jawatan, sebaliknya kerana merasai masanya su-

dah sampai untuk beliau berbuat demikian memandangkan sudah ada barisan pelapis.

Tambahan pula, katanya, Dr Mahathir berhasrat menumpukan perhatiannya kepada keluarga selepas 21 tahun menabur bakti untuk bangsa dan negara.

"Beliau berpendapat keadaan ekonomi negara juga sudah mulai kuat, keadaan politik pulih, kestabilan negara kekal dan indeks perniagaan juga menggalakkan. Semua ini baginya masa sudah sampai (untuk bersara).

"Tetapi dia ulang akan terus menyumbang kepada perkembangan negara kita. Mungkin tidak sebagai Perdana Menteri. Mungkin kita cadangkan dia sebagai penasihat. Sumbangannya tidak perlu datang sebagai Perdana Menteri," katanya.

Abdul Aziz juga berkata, rakyat sebenarnya tidak perlu bimbang dengan pertukaran pucuk pimpinan negara jika semua akur nasihat Dr Mahathir supaya menerima Abdullah sebagai penggantinya.

"Yang susahnyanya jika semua orang tidak mahu mendengar cakap dia. Kalau semua orang sayang Mahathir, dengarlah nasihatnya. Penggantinya ialah Abdullah, maka kita kena bekerjasama menyokong beliau," katanya.

Beliau juga mengingatkan ahli Umno supaya mengelakkan pergeseran berikutan perkembangan terbaru dalam parti itu.